

**Jurnal Ilmu Kemanusian dan Sains Kemasyarakatan
Universiti Kebangsaan Malaysia**

AKADEMIKA

*Journal of Humanities and Social Sciences
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Bilangan
Number **25**

Kandungan
Contents

Julai
July **1984**

Persoalan Para Ilmu di Malaysia Kini	3
Editor	
The Impact of Japanese Foreign Investment and Management Style on Female Industrial Workers in Malaysia	7
Wendy A. Smith	
The Need for Technical Skills and Innovative Capacity: The Case of Manufacturing Industries in Malaysia	41
Anuwar Ali	
Daily Cycles of Suspended Particulate Air Pollution in the Kelang Valley Region, Peninsular Malaysia	61
Sham Sani	
The Relationship between the Offshore Topography and the Port Dickson — Cape Rachado Coast	69
A. Sharifah Mastura	
Attitudes Towards Mathematics and School Learning in Malaysia and Indonesia: Urban-Rural and Male-Female Dichotomies	87
Frank J. Swetz, Hassan Langgulung and Abdul Rashid Johar	
Effects of Privatisation Policy on Agricultural Production and Prices in Malaysia: A Theoretical Prediction	101
Nasaruddin Arshad and Zulkifly Hj. Mustapha	
Ulasan Buku/ <i>Book Review</i>	113
Ahmad Boestamam	

PERSOALAN PARA ILMUAN DI MALAYSIA KINI

Apabila kita memperkatakan peranan para ilmuwan maka tentu ramai yang mahu mengetahui terlebih dahulu siapakah yang kita maksudkan dengan istilah itu. Pada peringkat ini, dan untuk tujuan kita hari ini, para ilmuwan itu bolehlah kita samaartikan dengan golongan intelektuil. Sehingga hari ini telah banyak definisi yang diberikan untuk menerangkan siapakah yang menganggotai golongan intelektuil itu. Syed Husin Alatas, misalnya, pernah menyatakan pendapatnya yang mengatakan bahawa para intelektuil seharusnya terdiri daripada anggota masyarakat yang boleh berfikir dan sentiasa memikir mengenai hal-ehwal masyarakatnya dengan cara yang kritis. Justeru itu seorang ahli intelektuil sentiasa mempunyai kebolehan dan kemampuan untuk menggunakan fikirannya bagi membuat suatu tafsiran yang objektif tentang sesuatu kejadian, dan dengan demikian ia bukannya orang yang sentiasa akur atau menjadi "pak turut" sahaja.

Pandangan ini mempunyai persamaan dengan fahaman yang pernah diberikan oleh Lewis S. Feuer yang telah, apabila membicarakan makna intelektuil pada suatu masa dahulu, mengambil pandangan daripada Weber dengan mengatakan bahawa golongan intelektuil itu adalah "a group of men who by virtue of their peculiarity have special access to certain achievements considered to be "culture values", and who, therefore, usurp the leadership of a culture community." Beliau juga pernah mengutip pandangan Talcott Parsons yang mengatakan bahawa seorang intelektuil itu adalah seorang pakar budaya (cultural specialist) dan dengan itu ia seharusnya meletakkan pertimbangan budaya lebih dari yang lain-lain (termasuk pertimbangan sosial) dalam sebarang analisisnya.

Dalam konteks ini golongan terpelajar boleh dibahagikan kepada dua: mereka yang senang hati dengan kehidupan budaya zamannya dan mereka yang tidak merasa puas hati dengan keadaan hidup alam sekeliling zamannya. Justeru itu, golongan yang tidak puas hati itu akan terus menerus mengkritik dan memperkecilkan-kecilkan amalan hidup sezaman bangsa dan masyarakatnya. Dalam kritikannya itu

terdapat juga percubaan di kalangan mereka yang menyorot nilai-nilai zaman silam atau nilai-nilai masyarakat primitif atau nilai-nilai tamadun asing atau nilai-nilai yang “transcendental”. Perbuatan golongan yang seperti itu tidak boleh kita anggap sebagai telah menempatkan pertimbangan kebudayaan pada suatu tahap yang lebih tinggi daripada pertimbangan sosial. Mereka itu sebenarnya memainkan peranan Si Luncai dalam persekitaran hidup masyarakatnya. Dalam perkiraan yang kritis kita tidak dapat menerima golongan ini sebagai mewakili golongan intelektuil.

Pada umumnya apabila kita mengatakan seseorang atau sekumpulan manusia itu sebagai orang atau kumpulan intelektuil maka sebenarnya kita telah menggambarkan bahawa orang atau kumpulan itu, dari segi asasnya, mempunyai pendirian kritis, tidak kira sama ada ia (atau mereka) itu akur atau berlawanan dengan nilai-nilai budaya zamannya. Perspektif budaya yang diguna dan dijadikan bahan rujukan untuk menilai kebudayaan dan masyarakat yang dianggotai itu dipilih daripada “Other Worlds” iaitu sama ada renungan ke zaman silam, atau gagasan mengenai masa depan, atau masyarakat-masyarakat kini di tempat lain. Dengan demikian, menurut pandangan Lewis S. Feuer, seorang yang dikatakan intelektuil itu seharusnya boleh memisahkan diri, dan sepanjang kerjayanya berbuat demikian, daripada super-struktur budaya masyarakatnya. Lantas seorang intelektuil itu, dari pandangan luaran, boleh dianggap sebagai seorang bijaksana yang berkemampuan untuk menelurkan buah fikiran di luar daripada keseimbagnan struktur budaya dan sosial yang dimilikinya. Dengan kata lain, dan dalam bahasa yang lebih mudah, seorang intelektuil itu seharusnya mampu memikirkan hal-ehwal masyarakatnya dengan cara yang luas dan mendalam, dan apabila memberikan buah fikiran ia tidak sekali-kali dipengaruhi oleh emosi atau fahaman-fahaman karut yang boleh menyempitkan perspektif dirinya. Dengan cara itu barulah konsep intelektuil itu sama maknanya dengan “die Intelligenz” yang digunakan oleh orang-orang Jerman, atau “Intelligenty” oleh orang-orang Russia, atau “les intellectuels” oleh orang-orang Perancis.

Konsep intelektuil yang diberikan definisi seperti di atas ini, seperti yang berlaku di tempat lain, menuntut bahawa hanya mereka yang terpelajar dan ahli-ahli profesional kelas menengah sahaja dapat memenuhi syarat-syarat yang dikenakan. Ahli-ahli perniagaan jarang yang mahu berfikiran seperti itu. Tuntutan ini dibuat demikian kerana mereka mahu menyelamatkan konsep ini agar ia benar-benar bersifat “honourafic” dan bukan “pejorative”.

Bagi kita di Malaysia, perbincangan mengenai siapakah yang boleh dikatakan menganggotai golongan intelektuil pernah dibuat tidak lama dahulu. Syed Husin Alatas, misalnya, adalah di antara yang boleh dijadikan contoh. Tetapi persoalan yang ditimbulkan itu seolah-olah tidak diambil peduli oleh mereka yang menamakan diri mereka sebagai golongan terpelajar. Justeru itu, walaupun pengalaman di Jerman, Perancis, dan Russia yang disebutkan di atas tadi menuntut hanya golongan terpelajar sahaja yang boleh dianggap sebagai intelektuil, tentu masih boleh kita fikirkan semula apakah ukuran terpelajar itu sudah mencukupi. Pada masa ini masyarakat Melayu khasnya, dan Malaysia amnya, seolah-olah berada di persimpangan jalan. Ramai yang mengeloh tentang prestasi pemikiran yang ditunjukkan oleh golongan terpelajar (yang berijazah) itu. Malah ramai juga yang mula merasa cemas. Kualiti pemikiran dan semangat perjuangan yang ditunjukkan oleh golongan pemilik ijazah yang baru ini adalah jauh di belakang kalau hendak dibandingkan dengan contoh-contoh yang pernah wujud seperti Angkatan 50 dan pejuang-pejuang kemerdekaan yang hidup di zaman penjajahan dahulu. Tentunya kita tidak mahu mengatakan penjajah lebih berjaya membentuk pemikiran warga yang kritis.

Baru-baru ini terdapat seorang rakan yang nampaknya sangat terharu dengan prestasi pemikiran golongan terpelajar di negara ini. Rasa terharu itu dilahirkan dengan hati dan sikap yang betul-betul serius kerana ia berfahaman kalaulah trend yang wujud pada hari ini terus menerus berlaku seperti itu maka negara dan warga yang tinggal di dalamnya ini akan menghadapi suatu zaman gelap. Tingkat pemikiran warga kita baik golongan terpelajar yang kini wujud di kampus atau di institusi lain maupun orang ramai yang berjumlah kira-kira empat belas juta itu tidak banyak yang boleh dibanggakan. Tenaga akademik Universiti yang pada suatu masa dulu sentiasa dikagumi telah hilang kekuatan dan semangat. Malah dari beberapa ujian yang diberikan kepada mereka itu juga telah banyak kali menimbulkan seribu satu macam persoalan. Lantas tidak dapat tidak mahu juga kita bertanya: apakah mereka itu dapat mewakili intelektuil negara ini? Perkara ini tidak boleh kita pandang ringan. Pihak yang berwibawa, khususnya golongan yang telah sedar betapa lemahnya tingkat kemampuan berfikir sebegitu besar golongan terpelajar di negara ini perlu bertindak secara berorganisasi demi membetulkan keadaan yang pincang itu.

Golongan sedar ini perlu mengambil pendirian tegas tentang masa depan bangsa dan negara. Apakah kita mahu mencipta suatu definisi baru bagi istilah intelektuil? Kita tahu bahawa istilah “les intellec-

tuels' yang digunakan oleh orang-orang Perancis itu mula meluas penggunaannya pada 1898 sebagai lanjutan daripada "manifeste des intellectuels" yang dijelmakan oleh Dreyfus Case. Makna istilah itu diterangkan dengan jelas oleh Brunetiere: it signified persons of high scholarly or scientific standing, distinguished writers or professors or artists, who presumed to represent the nation's conscience on basic political questions.

Bagaimanapun persoalan mula timbul terhadap gagasan Brunetiere ini, sehingga akhirnya suatu definisi baru mengenai intelektuil mula difikirkan. Apakah persoalan-persoalan yang timbul, dan percubaan untuk mendefinisikan intelektuil yang tidak menguntungkan kita semua itu harus dibiarkan berleluasa? Sekiranya kita memberikan jawapan negatif kepada soalan ini maka kenalah kita menentukan pendirian: apakah peranan utama golongan intelektual dalam negara tercinta yang sedang membangun ini? Pada asasnya patut sekali golongan ini mempunyai rasa cemburu akan perkembangan yang berlaku, dan berusaha dengan sekeras-kerasnya supaya golongan yang menamakan diri sebagai intelektuil itu tidak menggunakan kedudukan bagi memenuhi aspirasi diri. Taat setianya hendaklah pada ilmu, pada objektiviti persoalan, pada masyarakat dan pada negara.

Hairi Abdullah